

BAB 3

PUNCA DAN KESAN KEJATUHAN MATA WANG

1.0) PENDAHULUAN

Malaysia adalah sebuah negara ekonomi terbuka yang kecil yang tergolong dalam negara membangun. Dasar ekonomi terbuka yang diamalkan oleh Malaysia mendedahkan ekonomi negara ini kepada kitaran ekonomi dunia atau dengan kata lain ekonomi Malaysia turut dipengaruhi oleh kedudukan ekonomi negara-negara lain. Kini, fenomena ini semakin jelas berikutan peralihan tamadun manusia memasuki era globalisasi atau '*borderless world*' atau juga '*global village*'. Proses globalisasi ini meruntuhkan sempadan sesebuah negara seolah-olah membentuk satu unit global yang mempunyai hubungan yang rapat dan cepat antara satu sama lain.

Globalisasi juga telah meningkatkan aliran perdagangan dan pemasaran antarabangsa di samping kemasukan modal asing tanpa batas di negara-negara Asia termasuk Malaysia. Kekuahan dan kepesatan ekonomi Malaysia dan negara-negara Asia Timur yang lain telah membolehkan ia mendapat jolokan 'miracle' dalam ekonominya. Malah, rantau ini juga mengalami pertumbuhan ekonomi yang paling pesat di dunia. Namun, kepesatan ekonomi ini telah dikejutkan dengan satu krisis kewangan yang membawa kepada kejatuhan yang teruk ke atas mata wang negara-negara Asia termasuk Malaysia. Krisis yang pada mulanya dianggap bersifat tempatan telah bertukar menjadi krisis kewangan dan ketidakstabilan di peringkat antarabangsa. Malah, krisis kewangan Asia 1997/1998 telah mencipta satu kesan yang tidak terduga dan perubahan yang

cukup drastik ke atas ekonomi Malaysia walaupun mempunyai asas ekonomi yang kukuh.

3.1) EKONOMI MALAYSIA: SEJARAH DAN PERUBAHAN SEBELUM KRISIS

Pertanian merupakan asal dan asas ekonomi hampir keseluruhan negara di dunia termasuk Malaysia. Namun, disebabkan perubahan masa dan tuntutan keperluan semasa sosio-ekonomi, struktur ekonomi dunia telah mengalami satu transformasi dari kekuatan ekonomi yang bergantung kepada pertanian beralih kepada kekuatan ekonomi yang bergantung kepada sektor perindustrian. Perubahan ini disifatkan sebagai kemajuan dan pembaikan ekonomi sesebuah negara itu. Di kebanyakkan negara maju, ekonominya dijana oleh sektor perindustrian. Malaysia dalam menuju negara maju juga telah mengalami proses transformasi yang sama seperti negara maju yang lain sebelum ini.

Sebelum kemerdekaan dan pada awal kemerdekaan, ekonomi Malaysia amat bergantung kepada sektor pertanian dari segi hasil KDNK, guna tenaga dan nilai eksport negara (rujuk Jadual 2) sebelum beralih kepada sektor perindustrian. Berdasarkan Jadual 2, pada tahun 1957, sumbangan sektor pertanian kepada KDNK dan guna tenaga masing-masing menunjukkan angka yang cukup tinggi iaitu 49.8% dan 59.7%. Namun, sumbangan sektor ini semakin berkurangan terutamanya dalam era 90an dan digantikan dengan sektor perindustrian. Pada tahun 1995 sumbangan sektor perindustrian mengatasi sektor pertanian dari segi KDNK (37.5%), guna tenaga (26.2%) dan nilai eksport negara (79.6%).

Jadual 2
Sumbangan Sektor Ekonomi Kepada KDNK, Guna Tenaga Dan
Eksport (%)

Tahun	KDNK			Guna Tenaga			Eksport	
	Pertama	Kedua	Ketiga	Pertama	Kedua	Ketiga	Pertama*	Kedua**
1957	49.8	9.2	41.0	59.7	10.6	29.7	t.m	t.m
1960	43.7	15.2	41.8	61.3	9.8	28.9	t.m	t.m
1965	40.5	14.7	44.8	54.6	11.9	33.5	78.4	8.9
1970	37.2	19.4	43.4	49.8	15.1	35.1	76.4	11.1
1975	32.3	21.8	46.0	47.4	18.3	34.3	73.7	20.9
1980	32.8	26.2	41.0	41.4	21.3	34.7	71.4	21.8
1985	31.3	24.1	44.6	32.1	26.5	41.4	56.9	32.7
1990	28.3	30.4	41.2	26.5	26.3	47.2	36.6 ^a	58.8
1995	20.9	37.5	44.3	18.5	26.2	47.2	16.8 ^a	79.6

Nota: * Hanya getah, kelapa sawit, perhutanan, koko,bijih timah, dan petroleum

** Sektor pembuatan sahaja

a Termasuk gas asli cair

t.m Tiada maklumat

Sumber: Malaysia, Laporan Ekonomi (pelbagai keluaran)

Malaysia, Rancangan Malaysia (1991)

Malaysia, Kajian Separuh Penggal RM 6 (1993)

Malaysia, Rancangan Malaysia Ketujuh (1996)

Di Malaysia, aktiviti-aktiviti ekonominya merangkumi pelbagai sektor dan dapat dikelaskan kepada tiga bahagian iaitu sektor pertama (primer)¹, sektor kedua² dan sektor ketiga (tertiar)³. Sektor yang berlainan melibatkan asas kegiatan serta keluaran yang berbeza. Walaubagaimana pun, tinggalan ekonomi penjajah telah mewujudkan satu fenomena pergantungan ekonomi negara kepada sektor primer iaitu pertanian dan perlombongan. Malah, eksport Malaysia amat bergantung kepada getah dan bijih timah. Misalnya, pada tahun 1960, pendapatan eksport kasar negara bagi kedua-dua komoditi tersebut adalah lebih kurang 70%.

Selain itu, ekonomi Malaysia juga menghadapi masalah dalam aspek agihan kemudahan dan kekayaan, kemiskinan dan pengangguran, kurangnya penglibatan bumiputera dalam ekonomi moden akibat ‘dasar pecah dan perintah’ yang dijalankan oleh kerajaan British, dan ketidakseimbangan dalam pengurusan ekonomi. Fenomena ini telah mendesak kerajaan melaksanakan pelbagai langkah perubahan melalui Rancangan Malaya yang kemudiannya ditukar kepada Rancangan Malaysia, mempertingkatkan perkembangan sektor pertanian melalui dasar pembangunan yang bersepada dan mempelbagaikan kegiatan ekonomi negara agar tidak terlampau bergantung kepada sektor pertanian.

Pada dekad 1950an dan 1960an, kebanyakan program perindustrian negara dilaksanakan sebagai usaha mempelbagaikan kegiatan ekonomi negara agar tidak terlalu bergantung kepada getah dan bijih timah sahaja. Aktiviti perindustrian hanya berbentuk penggantian import yang melibatkan industri

¹ Sektor pertama ialah kegiatan ekonomi peringkat awal yang kurang atau tidak melibatkan pemprosesan. Contoh sektor ekonominya ialah tanaman, perternakan, perikanan, perhutanan, dan perlombongan kuari

² Sektor kedua bersifat pemprosesan ke atas bahan mentah keluaran sektor pertama atau barang separuh siap bagi pengeluaran barang siap atau separuh siap yang lain

³ Sektor ketiga ialah kegiatan ekonomi dalam bentuk penyediaan kemudahan dan perkhidmatan

ringan sahaja seperti membuat sabun, minuman, kasut, pakaian dan barang getah dengan tujuan untuk mengurangkan import dan memenuhi permintaan dalam negeri melalui pengeluaran barang sendiri. Walaubagaimana pun, pada akhir tahun 1960, kerajaan mula mengalih perhatian kepada sektor perindustrian yang dipercayai mampu menjadi pemangkin kepada perkembangan ekonomi negara berbanding sektor pertanian.

Bagi merealisasikan matlamat itu, kerajaan telah melaksanakan Akta Galakan Pelaburan (1968) dalam kempen menggalakkan industri intensif buruh dan industri berorientasi eksport. Fenomena ini menggalakkan kemasukan modal asing dalam negara. Kerajaan mula memberi penumpuan kepada industri penggalakkan eksport kerana dipercayai lebih berkesan dalam pertumbuhan ekonomi negara berbanding dengan penggantian import. Perluasan eksport akan menyerap lebih banyak buruh per unit output dan modal. Dalam tempoh itu, aktiviti perindustrian telah melibatkan barang kimia, logam, jentera dan alat pengangkutan. Faktor ini telah menyebabkan sektor perindustrian semakin berkembang selepas tahun 1970an dan memainkan peranan penting dalam sumbangan kepada KDNK (rujuk Jadual 3) negara dan penyerapan guna tenaga (rujuk Jadual 4)

Jadual 3
KDNK (pada harga pasar) Mengikut Sektor

Tahun	Perindustrian		Pertanian		KDNK Malaysia	
	RM Juta	(%)	RM Juta	(%)	RM Juta	(%)
1960 ^a	453	9	1976	38	5220 ^e	100
1965 ^b	682	10.4	2066	31.5	6552 ^e	100
1970 ^c	1354	13.2	3383	30.0	10238	100
1975 ^c	2850	16.4	4804	27.7	17365	100
1980 ^c	5054	19.3	6172	23.6	26188	100
1985 ^d	11263	19.7	11854	20.8	57093	100
1990 ^d	21340	26.9	14799	18.6	79455	100
1995 ^d	39825	33.1	16406	13.6	120316	100
1996 ^d	44684	34.2	16580	12.7	130628	100

Nota: a Pada harga semasa (1960)

b Data pada harga 1965

c Data pada harga 1970

d Data pada harga 1978

e KDNK pada kos faktor

Sumber: Malaysia, Laporan Ekonomi

(pelbagai keluaran)

Malaysia, Kajian Separuh

Penggal RM 6 (1993)

Malaysia, Rancangan Malaysia
Ketujuh (1996)

Jadual 4
Penyerapan Guna Tenaga Mengikut Sektor Pembuatan Dan
Pertanian

Tahun	Perindustrian		Pertanian		Jumlah Bekerja (000)	Tenaga
	(000)	(%)	(000)	(%)		
1970	318	9.5	1749	52.5	3328	
1975	398	10.1	1937	49.3	3928	
1980	755	15.7	1911	39.6	4817	
1985	855	15.2	1759	31.3	5625	
1990	1333	19.9	1738	25.9	6686	
1995	2052	25.9	1429	18.0	7915	
1996	2178	26.6	1339	16.4	8161	

Sumber: Malaysia, Laporan Ekonomi 1997/1998

Jika diteliti pada Jadual 3 dan Jadual 4, dalam tempoh 1970-1990, sumbangan sektor perindustrian kepada KDNK menunjukkan peningkatan tahun demi tahun dari 13.2% kepada 34.2%. Sebaliknya, sumbangan sektor pertanian menunjukkan penurunan yang berterusan dari 38% kepada 12.7% sahaja dalam tempoh yang sama. Malah, dari sudut penyerapan guna tenaga juga mengalami situasi yang sama. Dalam tempoh 1970-1996, sektor perindustrian menunjukkan peningkatan yang cukup memberangsangkan dari 9.5% kepada 26.6%. Sedangkan sektor pertanian menunjukkan penurunan yang cukup ketara dari 52.5% kepada 16.4%.

Selanjutnya, perkembangan yang pesat dalam sektor perindustrian telah menggalakkan kerajaan menubuhkan industri berat pada tahun 1980 yang melibatkan pelaburan yang lebih besar, tempoh perancangan yang lebih panjang dan pulangan modal yang hanya dapat diperolehi dalam tempoh jangka panjang.

Penubuhan industri yang melibatkan teknologi tinggi ini adalah perlu bagi masa depan ekonomi negara agar tidak terlalu bergantung kepada negara maju yang lain. Kerajaan telah menubuhkan HICOM (Perbadanan Industri Berat Malaysia) pada tahun 1980 yang telah melancarkan pelbagai projek seperti penubuhan kilang simen, loji keluli, enjin dan projek kereta nasional Malaysia iaitu PROTON. Malaysia berupaya melangkah jauh dalam industri ini kerana memiliki faedah berbanding dalam penawaran tenaga buruh dan bahan mentah dalam industri ini.

Berbanding tahun sebelumnya, tahun 1990an menyaksikan rekod pertumbuhan ekonomi Malaysia cukup memberangsangkan dan mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat sebelum berlakunya krisis kejatuhan mata wang atau kewangan pada tahun 1997 (rujuk Jadual 5). Dalam tempoh 1990-1996, kadar pertumbuhan KDNK Malaysia adalah di sekitar 8% setahun sebelum mengalami pertumbuhan yang negatif pada tahun 1998. Sebagai sebuah negara membangun, Malaysia mempunyai pengurusan ekonomi makro yang efektif dengan kadar inflasi dan kadar pengangguran yang rendah antara 2%-5% seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5. Malah, Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai kadar tabungan tertinggi di dunia pada tahun 1996 iaitu pada kadar 38.5%. Asas ekonomi yang kukuh dan pertumbuhan yang pesat telah meletakkan ekonominya sebagai ekonomi yang '*miracle*' di Asia Timur.

Jadual 5
Malaysia: Pertumbuhan, Inflasi Dan Kadar Pengangguran, 1984-999 (%)

Tahun	Pertumbuhan*	Inflasi (CPI)	Kadar Pengangguran
1984	7.8	3.6	6.3
1985	-1.0	0.4	7.6
1986	1.2	0.6	8.7
1987	5.2	0.8	8.2
1988	8.9	2.5	8.1
1989	9.2	3.9	7.5
1990	9.7	2.0	5.1
1991	8.7	4.4	4.3
1992	7.8	4.7	3.7
1993	8.3	3.5	3.0
1994	9.2	5.0	2.9
1995	9.5	3.5	2.8
1996	8.6	3.4	2.5
1997	7.7	2.7	2.4
1998	-6.7	5.3	3.2
1999	4.3	2.8	3.0

Nota: * Kadar pertumbuhan KDNK pada harga tetap 1978

Sumber: Bank Negara Malaysia, Laporan Tahunan, pelbagai siri, untuk jadual pertumbuhan dan kadar pengangguran.

3.1.1) Petanda-petanda Awal Krisis Kewangan

Walaupun, ekonomi Malaysia berkembang begitu pesat dalam era 90an, beberapa petanda yang membimbangkan telah timbul sebelum berlakunya krisis kewangan 1997. Petanda-petandanya ialah⁴:

⁴ Majlis Tindakan Ekonomi Negara, Pelan Pemuliharan Ekonomi Negara: Agenda Tindakan, Majlis Tindakan Ekonomi Negara, Unit Perancang ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Ogos 1998, himn: 11-15

- Pertumbuhan ekonomi melebihi potensi keluaran

Bermula tahun 1991, ekonomi Malaysia terus berkembang melangkaui tahap potensi keluaran⁵. Jurang keluaran sifar diperolehi apabila saiz KDNK sebenar dan yang dijangka adalah sama. Bagi tempoh 1994-1996, didapati jurang keluaran bertambah hasil daripada peningkatan dalam KDNK sebenar lebih cepat daripada KDNK yang dijangka. Akibatnya berlaku tekanan harga, terutama dalam bentuk kenaikan tingkat upah yang lebih tinggi berbanding dengan produktiviti. Walaupun Malaysia mengalami pertumbuhan yang pesat dalam tempoh ini, tetapi ia diiringi oleh situasi yang tidak mapan bagi jangka panjang iaitu peningkatan input (modal dan buruh) yang sebahagiannya diimport dan bukannya oleh peningkatan kecekapan.

- Hilang kecekapan dalam ekonomi

Kecekapan penggunaan sumber dalam ekonomi ditunjukkan oleh anggaran produktiviti faktor keseluruhan (TFP) dan nisbah pertambahan modal-output (ICOR). ICOR telah mengalami peningkatan daripada 3.0 pada tahun 1988 kepada 6.5 pada tahun 1997. Peningkatan ini cukup membimbangkan kerana ia menunjukkan bahawa penggunaan modal menjadi semakin kurang cekap. Peningkatan dalam ICOR ini mungkin disebabkan oleh pertambahan pelaburan

⁵ Potensi keluaran mengukur keluaran sesebuah ekonomi pada tahap guna tenaga penuh menggunakan sumber sedia ada. Jurang keluaran mengukur perbezaan keluaran sebenar dengan tahap potensi keluaran. Sumber tidak digunakan apabila keluaran sebenar kurang daripada keluaran potensi. Walaubagaimana pun, apabila keluaran sebenar melebihi keluaran potensi, tekanan penawaran wujud akibat terlebihnya penggunaan sumber.

dalam projek yang mempunyai tempoh siap yang lebih panjang, kebocoran dan kapasiti bawah penggunaan.

- **Peningkatan defisit dalam akaun semasa**

Jadual 6 menunjukkan dalam tempoh 1993-1996, defisit dalam akaun semasa adalah sama dengan jurang tabungan-pelaburan. Walaupun memiliki kadar tabungan yang tertinggi di dunia, Malaysia mengalami masalah defisit akaun semasa yang disebabkan oleh kadar pelaburan yang tinggi (rujuk Jadual 6) sebelum krisis. Baki akaun semasa telah meningkat dari -7926 pada tahun 1993 kepada -21825 pada tahun 1995. Fenomena ini lebih membimbangkan lagi sekiranya defisit akaun semasa yang disebabkan oleh nilai pelaburan yang tinggi ini disertai oleh penurunan kecekapan dalam penggunaan modal.

Jadual 6
Jurang Tabungan-pelaburan (RM Juta) 1993-1996

	1993	1994	1995	1996
Pembentukan modal domestik kasar awam	23760	24833	27844	27970
Tabungan awam	27339	32733	32763	39729
Defisit / lebihan	3579	7900	4919	11759
Pembentukan modal domestik kasar swasta	38700	52070	67305	75799
Tabungan swasta	27195	29400	40561	51788
Defisit / lebihan	-11505	-22670	-26744	-24011
Pembentukan modal domestik kasar (% daripada KDNK)	62460 (39.8)	76903 (42.5)	95149 (45.7)	103769 (43.6)
Tabungan kasar negara (% daripada KDNK)	54534 (34.7)	62133 (34.4)	73324 (35.2)	91517 (38.5)
Baki akaun semasa (% daripada KDNK)	-7926 (-5.1)	-14770 (-8.2)	-21825 (-10.5)	-12252 (-5.1)

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Bank Negara Malaysia

- Pengembangan kredit yang berlebihan kepada sektor bukan dagangan

Jadual 7 menggambarkan yang jumlah pinjaman bertambah dengan pesat selepas tahun 1994. Tahun 1997 menyaksikan pertumbuhan jumlah pinjaman bulanan adalah antara 28%-30% kecuali bagi bulan November dan Disember. Pada tahun yang sama juga, pinjaman kepada sektor hartanah bertambah lebih 30% (tahun ke tahun) yang merupakan 26% daripada jumlah pinjaman. Selain itu, pinjaman bagi pembelian stok dan saham bagi tempoh 1993-1997 juga telah meningkat pada kadar purata 35% setahun. Akibatnya, situasi ini telah meningkatkan jumlah hutang swasta tempatan sebelum berlakunya krisis.

Jadual 7
Jumlah pinjaman: Sistem Perbankan dan Sistem Kewangan

	Jumlah baki pinjaman	
	RM Juta	Pertumbuhan tahunan (%)
1990	107781	23.9
1991	131332	21.9
1992	143959.6	9.6
1993	161011.5	11.8
1994	184237.7	14.4
1995	237719.6	29.0
1996	300316.7	26.3
1997	392129.2	30.6
1997		
Januari	329824	28.8
Februari	331373	27.9
Mac	344701	29.6
April	351705	28.5
Mei	359047	29.5
Jun	365699	30.0
Julai	369485	28.8
Ogos	376013	28.6
September	384796	28.4
Oktober	392681	28.4
November	398545	26.9
Disember	401963	25.9

Sumber: Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), 1998

3.2) PUNCA KEJATUHAN MATA WANG

Pada tahun 1990an, Asia Timur telah dilihat sebagai model ekonomi dan digelar dengan nama ‘*The East Asian Miracle*’. Malangnya, ekonomi negara-negara Asia Timur telah dikejutkan dengan satu krisis kewangan yang cukup hebat dalam sejarah negara-negara membangun. Keunikan krisis kewangan yang melanda Asia Timur ini telah menimbulkan banyak perdebatan mengenai punca krisis ini oleh ahli –ahli ekonomi dunia. Antara punca-punca krisis yang ditimbulkan ialah:

3.2.1) Kelemahan struktur ekonomi

Golongan ‘*Fundamentalist*’ yang dipelopori oleh Paul Krugman dalam artikelnya ‘*What Happened To Asia*’ pada tahun 1998 dan Corsetti, Pesenti dan Ruobini dalam artikel mereka ‘*What Caused The Asian Currency and Financial Crisis*’ pada tahun yang sama telah berpendapat bahawa punca krisis ialah kelemahan struktur terutamanya pada sektor perbankan dalam negeri, dasar ekonomi makro yang tidak kukuh dan juga ‘*moral hazard*’⁶.

Pihak ‘*fundamentalist*’ telah bersetuju bahawa krisis kewangan Asia Timur merupakan satu krisis yang unik dan berbeza dari krisis kewangan yang lain kerana simptom-simtom awal krisis tidak dapat dikesan. Tambahan pula, pada waktu itu, negara di Asia Timur mempunyai belanjawan yang berlebihan, kadar penganguran yang rendah, kadar tabungan yang tinggi dan inflasi yang sederhana. Walaubagaimana pun, para ‘*fundamentalist*’ juga mendapati yang punca kepada krisis itu sebenarnya adalah dari negara berkenaan itu sendiri.

⁶ Bank Negara Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Sistem Kewangan Di Malaysia-Perubahan sedekad, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 1999, hlmn: 631

Negara-negara berkenaan semakin terdedah kepada kejutan luar yang disebabkan oleh beberapa faktor yang berkait rapat dengan masalah aliran modal antarabangsa dalam negara tersebut.

Menurut ‘Fundamentalist’ juga, rantau Asia Timur yang mengalami pertumbuhan ekonomi yang cukup pesat di sekitar tahun 1990an telah menyebabkan institusi kewangan dalam pasaran yang bermotifkan keuntungan tertarik kepada Asia Timur. Rantau ini disifatkan mempunyai pertumbuhan ekonomi yang amat pesat dan kadar tukaran wang yang stabil. Ini ditambah pula dengan pelonggaran yang berlebihan dalam urusniaga akaun modal yang secara langsung menjadi penyuntik kepada agen-agen swasta untuk mendapatkan modal antarabangsa. Situasi ini menjadi semakin meruncing dengan peningkatan yang ketara terhadap permintaan dalam negeri dan pemberian kredit. Namun, apabila peluang pelaburan yang baik semakin berkurangan, dana mula beralih ke pasaran saham dan hartanah. Walaubagaimana pun, di beberapa buah negara, peningkatan pengeluaran kredit telah mengakibatkan kenaikan harga aset, terutamanya aset hartanah. Peningkatankekayaan melalui kenaikan harga aset akan meningkatkan jumlah perbelanjaan dan menggalakkan pinjaman luar negara.

Kelemahan dalam sektor perbankan juga dikaitkan sebagai punca krisis. Penetapan nilai mata wang berbanding dolar Amerika sama ada secara rasmi atau tidak rasmi telah menggalakkan perbuatan manipulasi oleh dana lindung nilai di luar negara terutamanya apabila wujud perbezaan faedah yang ketara. Malah, sektor kewangan menjadi semakin lemah apabila pembaharuan dan penyusunan yang dilakukan adalah tidak konsisten dan sistematik serta tidak mengikuti

perkembangan semasa terutamanya bidang pengurusan berhemat dalam pendedahan mata wang dan penilaian kemudahan kredit.

Selain itu, pihak '*fundamentalist*' juga menekankan aspek '*moral hazard*' iaitu satu tanggapan pelabur bahawa terdapat jaminan kerajaan ke atas pinjaman mereka daripada pemberi pinjaman antarabangsa. Isu ini timbul berikutan andaian bahawa terdapat hubungan yang rapat antara pihak swasta dan kerajaan dan pihak bank dengan pelanggannya. Malah, isu '*moral hazard*' ini juga melibatkan pemberian pinjaman bank-bank kepada negara membangun. Di sini wujud anggapan bahawa Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) akan sentiasa membantu negara-negara ahlinya yang memerlukan bantuan kewangannya. Buktinya, dalam krisis kewangan Asia ini, pinjaman daripada IMF digunakan untuk membayar hutang kepada bank luar negara dan pembiutang oleh negara-negara terbabit dalam krisis ini.

'*Moral hazard*' juga memberikan satu tanggapan bahawa beberapa bank adalah terlalu kukuh untuk gagal. Malah, bank ini akan mendapat bantuan dari kerajaan sekiranya berlaku kegagalan. Masalah yang sama juga berlaku kepada bank luar pesisir yang meminjam dalam kuantiti yang banyak dari luar negara dan seterusnya memberi pinjaman secara meluas di dalam negeri. Dengan jaminan tidak langsung daripada kerajaan bahawa nilai wang mereka adalah stabil, bank-bank yang terlibat tidak melindungi nilai tanggungan luar mereka daripada risiko mata wang. Bukan sahaja bank-bank tempatan tetapi, bank-bank asing juga terpengaruh dengan isu ini dan beranggapan yang kerajaan dan IMF akan menjamin mereka. Sebab itulah, kebanyakan bank asing memberi pinjaman yang

banyak terutamanya dalam bentuk jangka pendek tanpa penilaian risiko yang sewajarnya.

3.2.2) Kejutan Kewangan

Isu kejutan kewangan telah dibangkitkan oleh Jeffery Sachs, Stephen Radelet di dalam '*The Onset of The East Asian Financial Crisis*' and Joseph Stiglitz, Ketua Ahli Ekonomi di Bank Dunia. Pendapat ini memberi penekanan kepada peranan jangkaan, keadaan kucar-kacir dan penyelarasan yang keterlaluan sebagai punca krisis⁷. Mengikut pendapat golongan ini, negara-negara yang terbabit mempunyai asas ekonomi yang kukuh sewaktu pra-krisis. Malah, badan dunia seperti IMF, penilai-penilai kredit dan penganalisa-penganalisa tidak meramalkan yang krisis seperti itu akan berlaku di Asia walaupun terdapat kelemahan dalam ekonominya seperti defisit akaun semasa, kadar tukaran wang yang lebih nilai dan pertumbuhan eksport yang perlahan. Penunjuk-penunjuk ini bukan disifatkan sebagai petanda krisis tetapi hanya satu keadaan ekonomi yang lembab.

Sebaliknya, mereka menyifatkan krisis ini berpunca daripada sikap pelabur-pelabur asing dan juga tempatan yang hilang keyakinan dan kepercayaan kepada pasaran negara-negara Asia. Ini disebabkan oleh pendekatan yang digunakan oleh IMF dalam mengurus krisis ini adalah tidak sesuai untuk krisis yang berpunca daripada sektor swasta. Manakala Jeffery Sachs telah menyalahkan sistem kewangan antarabangsa melalui penyataannya, ‘krisis tersebut merupakan

⁷ Ibid, hlmn: 631-632

petanda kelemahan pasaran modal antarabangsa dan kelemahannya dalam menghadapi perubahan kenyakinan pasaran yang mendadak⁸.

Walauapun, sebenarnya, tiada satu kata sepakat mengenai punca krisis ini oleh kedua-dua golongan ini. Walaupun begitu, kedua-duanya bersetuju bahawa faktor utama penularan krisis ke negara-negara lain ialah sikap cemas (Corsetti, Pesenti dan Roubini) dan kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam ekonomi negara-negara Asia itu sendiri.

3.2.3) Peranan spekulator mata wang dalam krisis

Malaysia merupakan negara yang pertama menekankan peranan spekulator mata wang dan institusi yang berleveraj tinggi sebagai punca krisis ini. Malangnya, pendapat Malaysia telah dikutuk oleh pakar agensi antarabangsa dan pedagang mata wang. Sebaliknya, golongan ini menghalakan punca kepada kejatuhan nilai mata wang adalah pentadbiran yang tidak baik dan apa yang perlu untuk mengembalikan kenyakinan dan menjamin pemulihan nilai mata wang dan ekonomi ialah mewujudkan satu pentadbiran yang baik bagi menggantikan pentadbiran yang tidak baik.

Namun akhirnya, pendapat ini disokong oleh beberapa persatuan antarabangsa dan beberapa buah negara tertentu yang sebelum ini mengutuk pendapat Malaysia itu. Menteri Luar China, Tang Jiaxnan (Utusan Malaysia, 29 Julai 1998) menyatakan yang krisis kewangan di Asia Tenggara berlaku dalam konteks persejagatan, ekonomi, khususnya persejagatan pasaran kewangan.

⁸ Ibid, hlmn: 634

Menurutnya lagi, kegiatan spekulasi yang berlebihan oleh wang-wang ‘panas’ memberikan satu cabaran baru kepada keselemanan ekonomi semua negara terutamanya ekonomi negara membangun yang turut melemahkan usaha masyarakat antarabangsa menangani risiko globalisasi⁹. Selain itu, Taiwan telah mengharamkan penjualan dana oleh spekulator asing yang merupakan langkah terbaik bagi mengelakkan ekonomi negara terancam. Begitu juga dengan kerajaan Hong Kong yang telah mengambil langkah berhati-hati dengan permainan spekulator mata wang ini. Kini, Kerajaan Hong Kong terus berusaha mengetatkan peraturan di dalam bidang jualan singkat dan pinjaman saham bagi membaiki tahap ketelusan di dalam urus niaga pasaran hadapan (Utusan Malaysia, 1 September 1998) dan telah membentangkan undang-undang bagi mengetatkan operasi di pasaran kewangan untuk menyukarkan para spekulator mengaut keuntungan serta menyerang mata wang (Mingguan Malaysia, 30 Ogos 1998)¹⁰.

Krisis kewangan di Asia bermula dengan serangan spekulasi ke atas mata wang Baht Thai pada pertengahan tahun 1997. Serangan ini menular ke Malaysia apabila Ringgit mengalami penurunan nilai mata wang selepas dua minggu Baht diapungkan pada 2 Julai 1997. Spekulator mata wang terus mengaut keuntungan dan mengalihkan tumpuan kepada mata wang di negara lain sehingga mata wang Peso Filipina telah diapungkan pada 11 Julai 1997 dan Indonesia telah membenarkan Rupiah jatuh secara mendadak dalam penggabungan campur tangan rasmi (*Official Intervention Band*) pada 21 Julai 1997. Permainan

⁹ Ismail Awang, *Peranan Ekonomi Islam Dalam Era Globalisasi*, Globalisasi: Peranan Ekonomi dan Kewangan Islam, Penyunting: Nik Mustapha Hj Nik Hassan, Sh. Mohd. Saifuddeen Sh. Mohd. Salleh, Hamiza Ibrahim, Institut Kefahaman Islam Malaysia, 1999, hlmn: 152

¹⁰ Ibid, hlmn: 153

spekulator mata wang telah menurunkan nilai Ringgit dari RM 2.61 berbanding US\$1 pada 14 Julai 1997 kepada satu tahap yang paling rendah iaitu RM4.88=US\$1 pada 7 Januari 1998.

Selain daripada peranan spekulator mata wang, Institusi Berleveraj Tinggi (HLI) dan dana lindung nilai juga mampu memanipulasi pasaran yang boleh menyebabkan volatiliti di pasaran kewangan anatarabangsa terutamanya di negara-negara kecil dan membangun berdasarkan saiz dana dan pengaruh mereka ke atas peserta pasaran yang lain. HLI adalah institusi yang tidak tertakhluk kepada mana-mana undang dan keperluan pededahan maklumat dalam operasi kewangan antarabangsa. Operasi institusi ini berlainan mengikut negara tetapi, terdapat beberapa ciri yang sama apabila serangan ini dilakukan. Institusi ini akan mengenalpasti perubahan tukaran wang yang berpotensi dan selanjutnya mengambil kesempatan ke atas lindung nilai atau mengikuti peredaran semasa pasaran. Taktik jualan agresif digunakan di mana harganya diletakkan pada paras di bawah harga pasaran. Ini akan memberi isyarat kepada peserta pasaran bahawa satu serangan mata wang akan berlaku dan menyebabkan aktiviti lindung nilai yang meluas berlaku¹¹.

Selain itu, dalam kes-kes lain, spekulator turut memberi pandangan dan pendapat yang pesimistik mengenai pasaran sesebuah negara itu bagi mempengaruhi sentimen pasaran. Kesudahannya, golongan ini akan mengaut keuntungan yang besar apabila peserta lain berkeinginan menjual dan ini

¹¹ Bank Negara Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Sistem Kewangan di Malaysia-Perubahan Sedekad, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 1999, hlmn: 635

mengukuhkan kedudukan mereka. Aktiviti-aktiviti spekulasi di dalam pasaran pertukaran asing Malaysia diterangkan dengan jelas di Lampiran A.

3.2.4) Prestasi ekonomi

Prestasi ekonomi yang luar biasa di rantau Asia telah menarik aliran masuk pelaburan asing ke rantau ini dengan jumlah pelaburan yang besar. Negara China mencatat pertumbuhan ekonomi antara 9%-14% pada awal dan pertengahan tahun 1990an. Jika dirujuk kepada Jadual 8, negara-negara Asia seperti Indonesia, Thailand, Korea dan Malaysia juga mengalami kadar pertumbuhan yang pesat antara 7%-12% dalam tempoh 1990-1996. Negara-negara di rantau ini mencapai satu tahap pertumbuhan ekonomi yang belum pernah dicapai oleh mana-mana ekonomi yang sebanding saiznya. Negara-negara ini juga mempunyai penunjuk-penunjuk ekonomi makro yang cukup memberangsangkan dengan kadar infalsi yang sederhana dan tiada ketidakstabilan fiskal yang ketara di samping mempunyai kadar tabungan yang tinggi. Oleh sebab itu, situasi ini mendedahkan ekonomi negara-negara Asia kepada volatiliti dalam aliran masuk-keluar modal antarabangsa.

Jadual 8
Empat Negara-negara Asia: Perubahan Makroekonomi, 1990-1999
(perubahan peratus dari tahun ke tahun)

	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999
Malaysia										
KDNK Benar	9.7	8.2	7.8	8.4	9.2	9.5	8.6	7.5	-7.5	5.4
Penggunaan swasta	13.1	9.5	3.0	4.6	9.8	9.4	6.9	4.3	-10.8	2.5
M2	12.8	14.5	19.1	22.1	14.7	24.0	21.4	22.6	1.5	11.6
M3	18.2	15.3	19.6	23.5	13.1	22.3	21.2	18.5	2.73	8.25
Inflasi	3.1	4.4	4.8	3.6	3.7	3.4	3.5	2.7	5.3	2.8
C.A Defisit /	2.1	8.9	2.8	4.8	6.3	8.5	4.9	-5.0	12.9	14.0
KDNK										
Rizab Asing*	9327	10421	16784	26814	24888	22945	26156	20013	24728	30853
Korea										
KDNK Benar	9.0	9.2	5.4	5.5	8.3	8.9	6.8	5.5	-6.7	11.0
Penggunaan swasta	9.6	8.0	5.5	5.6	8.2	9.6	7.1	3.5	-11.4	10.3
M2	17.2	21.9	14.9	16.6	18.7	15.6	15.8	14.1	27.0	27.4
M3	28.7	23.6	21.8	19.0	24.7	19.1	16.7	13.9	12.5	8.0
Inflasi	8.5	9.3	6.3	4.8	6.2	4.5	4.9	4.5	7.5	0.8
C.A Defisit /	-0.8	-2.8	-1.3	0.3	-1.0	-1.7	-4.4	-1.7	12.8	6.1
KDNK										
Rizab Asing*	14459	13306	16640	19704	25032	31928	32402	19710	51963	73700
Thailand										
KDNK Benar	11.6	8.4	7.8	8.3	8.9	8.7	6.4	-1.8	-10.4	4.1
Penggunaan swasta	12.8	6.6	7.8	8.7	8.3	8.6	6.6	-1.3	-2.2	t.m
M2	26.7	19.8	15.6	18.4	12.9	17.0	12.6	16.4	9.5	2.1
M3	-	19.9	18.5	19.7	17.6	18.7	13.4	3.2	8.9	1.6
Inflasi	6.0	5.7	4.1	3.3	5.0	5.8	4.8	5.6	8.1	0.3
C.A Defisit /	8.3	7.5	5.5	5.5	5.6	8.0	7.9	-2.1	12.7	9.1
KDNK										
Rizab Asing*	13247	17287	20012	24078	28884	35463	37192	25697	28434	34781
Indonesia										
KDNK Benar	7.2	7.0	6.5	6.5	7.7	8.2	7.8	4.7	-13.2	0.2
Penggunaan swasta	17.2	8.0	3.1	11.8	4.7	9.7	9.2	5.3	-2.1	1.5
M2	44.2	17.1	20.1	22.0	20.2	27.6	29.6	23.2	62.3	11.9
Inflasi	7.4	9.4	7.5	9.7	8.5	9.4	6.5	6.6	58.5	20.5
C.A Defisit /	3.4	3.8	2.1	1.6	1.7	3.6	3.3	-2.3	4.1	3.5
KDNK										
Rizab Asing*	7353	9151	10181	10988	11820	13306	17820	16088	22401	27160

Nota: *Tukaran Asing, US\$Million

Sumber: Bank Pembangunan Asia; Bank Negara Malaysia, Laporan ekonomi; Bank Of Thailand, Institusi Kewangan Antarabangsa, Statistik Kewangan Antarabangsa; Monetary Authority Of Singapore.

3.2.5) Kesan Jangkitan (*contagion*)

Kesan jangkitan merupakan satu keadaan di mana sebarang situasi atau perubahan yang berlaku di sesebuah negara boleh dipindahkan ke negara lain dan sekitarnya. Kesan jangkitan boleh wujud dalam dua keadaan iaitu jangkitan antara pasaran dalam sesebuah negara dan jangkitan antara kawasan/rantau. Kesan antara pasaran wujud apabila ketidakstabilan sesuatu pasaran (sebagai contoh pasaran wang dan tukaran asing) berupaya mempengaruhi pasaran lain (contoh pasaran saham). Manakala, bagi kesan jangkitan antara kawasan/rantau berlaku berdasarkan jangkaan tentang keadaan ekonomi sesebuah negara. Jangkaan negatif tentang ketidakstabilan ekonomi sesebuah negara boleh mempengaruhi ekonomi sesebuah negara yang lain. Inilah yang berlaku dalam krisis kewangan yang melanda Asia baru-baru ini.

Bermula dengan serangan spekulasi ke atas mata wang Baht Thai, ia akhirnya telah merebak ke negara-negara jiran yang lain seperti Indonesia, Filipina, Malaysia dan Korea sehingga membawa penurunan nilai mata wang negara terbabit. Malaysia yang diakui mempunyai asas ekonomi yang kukuh juga terperangkap di dalam krisis mata wang serantau yang teruk ini. Krisis kewangan ini berlaku dengan pantas sehingga mendesak tiga buah negara iaitu Thailand, Indonesia dan Korea Selatan¹² meminta bantuan IMF yang melibatkan dana berjumlah US\$ 118.6 bilion yang merupakan satu dana terbesar yang pernah diatur oleh IMF¹³.

¹² Di bawah pekej bantuan kewangan IMF, Thailand menerima bantuan sebanyak US\$ 7.2 bilion, Indonesia sebanyak US\$ 43 bilion dan Korea Selatan sebanyak US\$ 58.4 bilion

¹³ Majlis Tindakan Ekonomi Negara, Pelan Pemulihan Ekonomi Negara: Agenda Tindakan, Majlis Tindakan Ekonomi Negara, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Ogos 1998, hlmn: 2

Kesan jangkitan penurunan nilai mata wang juga telah menyebabkan keruntuhan dalam pasaran saham dan harga aset. Di Malaysia, penurunan nilai mata wang telah memberi impak negatif yang besar ke atas BSKL. Walaupun BSKL mula merosot pada awal 1997 tetapi kejatuhan pasaran ini semakin rancak setelah Thailand mengumumkan pengapungan Baht pada 2 Julai 1997. Ini kerana Ringgit mengalami penurunan nilai selepas dua minggu Baht diapungkan. Kejatuhan nilai Baht telah menimbulkan keraguan mengenai ketahanan peraturan kadar serantau.

Lanjutan daripada itu, timbul satu krisis kenyakinan di kalangan pelabur mengenai masa depan ekonomi negara-negara Asia termasuk ekonomi Malaysia. Para pelabur asing menganggap hubungan ekonomi antara negara-negara Asia adalah rapat antara satu sama lain dan apa yang berlaku di satu-satu negara memberi implikasi yang besar kepada negara yang lain. Malah, mereka juga menganggap yang mata wang dan pasaran saham sesebuah negara berkait rapat dengan mata wang dan pasaran saham negara-negara jiran meskipun tiada sebab yang jelas mengapa perkara ini berlaku. Malah, pada peringkat awal krisis, penganalisis asing dan pengurus dana antarabangsa meletakkan Malaysia di kategori yang sama dengan negara serantau yang lain sebelum mereka menyedari yang tanggapan mereka itu salah dan tidak berasas berikutan kejayaan Malaysia memulihkan ekonomi negaranya tanpa bantuan IMF seperti negara lain.

3.2.6) Aliran masuk dana swasta

Walaupun aliran masuk bersih dana swasta bagi negara China dan Vietnam dikuasai oleh pelaburan asing langsung, tetapi aliran masuk jangka pendek adalah punca pembiayaan penting bagi Indonesia, Korea Selatan, Malaysia dan Filipina. Berdasarkan Jadual 9, dalam tempoh 1994-1996, Thailand mempunyai aliran masuk jangka pendek yang tinggi iaitu sekitar 7%-10% daripada KDNK setahun. Manakala bagi Malaysia, dalam tempoh 1995-1996, modal jangka pendeknya antara 4%-4.5% daripada KDNK dengan pelaburan asing langsung adalah 5% daripada KDNK. Bagi negara membangun seperti Malaysia, modal asing amat diperlukan dalam merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negara. Namun, ia akan bertukar menjadi beban hutang yang tinggi apabila ia dilaburkan pada bidang yang tidak produktif dan menguntungkan.

3.2.7) Kelemahan sektor kewangan

Tidak dapat dinafikan, negara-negara seperti Indonesia, Thailand dan Korea Selatan mempunyai sektor kewangan yang lemah kerana terdedah kepada sektor harta tanah, pinjaman tidak berbayar yang tinggi dan pinjaman jangka pendek yang tidak dilindungi daripada kesan pergerakan mata wang. Ditambah pula dengan ketidaktelusan maklumat dan kekurangan data telah meningkatkan ketidaktentuan pasaran dan menjelaskan kenyakinan pelabur terhadap ekonomi negara tersebut. Malah, kurang ketelusan juga menimbulkan masalah dalam pelaksanaan dasar sesebuah negara. Namun, Malaysia mempunyai sektor

kewangan yang kukuh jika dibandingkan dengan negara jirannya yang lain. Secara relatifnya, Malaysia mempunyai jumlah hutang yang rendah berbanding dengan jirannya iaitu US\$45.2 billion atau 42% daripada KDNK pada bulan Jun 1997. Tetapi, Malaysia mengalami masalah perkembangan kredit yang pesat terutama kepada sektor swasta sebelum berlakunya krisis kewangan 1997 (rujuk Jadual 10).

Jadual 9
Negara-negara Asian Terpilih: Aliran Modal*
(Peratus daripada KDNK)

	1983-88 ^a	1989-95 ^a	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997
China									
Aliran Modal Bersih swasta ^b	1.2	2.5	1.7	-0.9	4.5	5.6	5.2	4.7	3.7
Pelaburan langsung bersih	0.4	2.9	0.9	1.7	5.3	5.9	4.8	4.6	4.3
Pelaburan portfolio bersih	0.2	0.2	0.1	-	0.7	0.7	0.1	0.3	0.2
Pelaburan Bersih lain	0.5	-0.6	0.7	-2.6	-1.5	-0.9	0.2	-0.3	-0.8
Aliran rasmi bersih	0.3	0.5	0.3	0.8	0.9	0.4	0.3	0.2	-0.1
Perubahan rizab ^c	-0.4	-2.2	-3.7	0.5	-0.4	-5.6	-3.2	-0.4	-4.5
Indonesia									
Aliran Modal Bersih swasta ^b	1.5	4.2	4.6	2.5	3.1	3.9	6.2	6.3	1.6
Pelaburan langsung bersih	0.1	1.3	1.2	1.2	1.2	1.4	2.3	2.8	2.0
Pelaburan portfolio bersih	0.1	0.4	-	-	1.1	0.6	0.7	0.8	-0.4
Pelaburan Bersih lain	1.0	2.6	3.5	1.4	0.7	1.9	3.1	2.7	0.1
Aliran rasmi bersih	2.4	0.8	1.1	1.1	0.9	0.1	-0.2	-0.7	1.0
Perubahan rizab ^c	-	-1.4	-2.4	-3.0	-1.3	0.4	-0.7	-2.3	1.8
Korea									
Aliran Modal Bersih swasta ^b	-1.1	2.1	2.2	2.4	1.6	3.1	3.9	4.9	2.8
Pelaburan langsung bersih	0.2	-0.1	-0.1	-0.2	-0.2	-0.3	-0.4	-0.4	-0.2
Pelaburan portfolio bersih	0.3	1.4	1.1	1.9	3.2	1.8	1.9	2.3	-0.3
Pelaburan Bersih lain	-1.6	0.8	1.3	0.7	-1.5	1.7	2.5	3.0	3.4
Aliran rasmi bersih	-	-0.3	0.1	-0.2	-0.6	-0.1	-0.1	-0.1	-0.1
Perubahan rizab ^c	-0.9	-0.8	0.4	-1.1	-0.9	-1.4	-1.5	0.3	-1.1
Malaysia									
Aliran Modal Bersih swasta ^b	3.1	8.8	11.2	15.1	17.4	1.5	8.8	9.6	4.7
Pelaburan langsung bersih	2.3	6.5	8.3	8.9	7.8	5.7	4.8	5.1	5.3
Pelaburan portfolio bersih	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pelaburan Bersih lain	0.8	2.3	2.9	6.2	9.7	-4.2	4.1	4.5	-0.6
Aliran rasmi bersih	0.3	-	0.4	-0.1	-0.6	0.2	-0.1	-0.1	-0.1
Perubahan rizab ^c	-1.8	-4.7	-2.6	-11.3	-17.7	4.3	2.0	-2.5	3.6

Sambungan..

	1983-88 ^a	1989-95 ^a	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997
Filipina									
Aliran Modal Bersih swasta ^b	-2.0	2.7	1.6	2.0	2.6	5.0	4.6	9.8	0.5
Pelaburan langsung bersih	0.7	1.6	1.2	1.3	1.6	2.0	1.8	1.6	1.4
Pelaburan portfolio bersih	-	0.2	0.3	0.1	-0.1	0.4	0.3	-0.2	-5.3
Pelaburan Bersih lain	-2.7	0.9	0.2	0.6	1.1	2.5	2.4	8.5	4.5
Aliran rasmi bersih	2.4	2.0	3.3	1.9	2.3	0.8	1.4	0.2	0.8
Perubahan rizab ^c	0.5	-1.1	-2.3	-1.5	-1.1	-1.9	-0.9	-4.8	2.1
Singapura									
Aliran Modal Bersih swasta ^b	5.0	3.8	1.7	-2.7	9.4	2.5	1.3	-10.1	-5.5
Pelaburan langsung bersih	8.7	6.0	8.8	2.1	5.5	4.8	4.9	4.3	5.3
Pelaburan portfolio bersih	-0.5	0.1	-2.1	3.3	0.5	1.1	0.9	-16.2	-14.4
Pelaburan Bersih lain	-3.2	-2.4	-5.1	-8.0	3.4	-3.4	-4.6	1.8	3.6
Aliran rasmi bersih	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Perubahan rizab ^c	6.1	-10.3	-9.6	-12.3	-12.9	-6.7	-7.2	-11.1	-14.6
Taiwan wilayah China									
Aliran Modal Bersih swasta ^b	0.2	-4.0	-1.2	-3.2	-2.1	-0.6	-3.6	-3.2	-3.8
Pelaburan langsung bersih	-0.2	-1.2	-0.3	-0.5	-0.7	-0.5	-0.4	-0.7	-0.6
Pelaburan portfolio bersih	-0.3	-	-	0.5	0.5	0.4	0.2	-0.4	-0.6
Pelaburan Bersih lain	0.7	-2.8	-0.9	-3.0	-1.9	-0.5	-3.3	-2.1	-2.6
Aliran rasmi bersih	-0.3	-	-	-	-	-	-	-	-
Perubahan rizab ^c	-13.5	-0.6	-5.4	-0.6	-0.7	-1.9	1.5	-0.4	0.7
Thailand									
Aliran Modal Bersih swasta ^b	3.1	10.2	10.7	8.7	8.4	8.6	12.7	9.3	-10.9
Pelaburan langsung bersih	0.8	1.5	1.5	1.4	1.1	0.7	0.7	0.9	1.3
Pelaburan portfolio bersih	0.7	1.3	-	0.5	3.2	0.9	1.9	0.6	0.4
Pelaburan Bersih lain	1.5	7.4	9.2	6.8	4.1	0.7	10.0	7.7	-12.6
Aliran rasmi bersih	0.7	-	1.1	0.1	0.2	0.1	0.7	0.7	4.9
Perubahan rizab ^c	-1.4	-4.1	-4.3	-2.8	-3.2	-3.0	-4.4	-1.2	9.7

Nota: * Aliran modal bersih terdiri daripada pelaburan langsung bersih, pelaburan portfolio Bersih dan aliran pelaburan jangka panjang dan jangka pendek, termasuk pinjaman Rasmi dan swasta

a Purata tahunan

b Disebabkan data yang terhad, pelaburan bersih lain mungkin termasuk beberapa aliran rasmi

c Tanda negatif menunjukkan pertumbuhan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa

Jadual 10
Malaysia: Pengagihan Kredit Bank, 1966-1996 (%)

	Perkilangan	Harta benda	Saham	Pertanian
1966-1970	2.6	8.8	-	9.2
1971-1975	8.5	17.0	-	8.6
1976-1980	18.8	22.5	1.8*	7.1
1981-1985	21.1	32.0	1.8	6.5
1986-1990	20.1	33.5	2.4	5.6
1992-1996	22.6	30.5	3.8	2.9

Nota: * 1979-80. Pinjaman untuk harta benda termasuk bangunan, pembinaan, Hartanah dan perumahan

Sumber: BNM (1994:506), BNM, Bulletin Ekonomi Suku Tahunan, BNM, Laporan Tahunan, pelbagai siri

Jadual 10 menunjukkan pengagihan kredit bank kepada sektor perkilangan dan harta benda adalah tinggi semenjak akhir tahun 1970an lagi sehingga kini. Sebaliknya, pemberian kredit bank kepada sektor pertanian menunjukkan kemerosotan yang amat ketara terutamanya dalam tempoh 1992-1996 iaitu dengan hanya 2.9% sahaja. Situasi ini menyebabkan hutang dalam sektor swasta terus meningkat tahun demi tahun.

Oleh itu, dapat disimpulkan di sini bahawa, tidak ada satu kesimpulan yang muktamad mengenai faktor sebenar berlakunya krisis ini. Ahli-ahli ekonomi mengklasifikasikan krisis ini sebagai satu krisis kewangan yang unik. Ini kerana, negara yang terjejas dalam krisis ini berbeza dari segi komposisi pengeluaran, struktur sistem kewangan dan asas ekonomi makro. Maka, sudah tentu punca krisis bagi setiap negara juga berbeza antara satu sama lain.

3.3) KESAN KRISIS KEWANGAN

Krisis kewangan yang melanda negara-negara Asia merupakan krisis kewangan yang paling buruk dalam sejarah negara membangun. Krisis ini mempunyai impak yang buruk ke atas negara-negara Asia termasuk Malaysia. Antara implikasi krisis ini ke atas Malaysia ialah:

3.3.1) Kejatuhan Nilai Ringgit

Kesan krisis mula-mula sekali dirasai di pasaran pertukaran asing Kuala Lumpur dan Pasaran Saham. Dalam tempoh akhir-Jun tahun 1997 dan akhir-Disember tahun 1998, nilai Ringgit telah menyusut sebanyak 33.6% berbanding Dolar Amerika. Seperti yang ditunjukkan dalam jadual 11, nilai Ringgit yang sebelum ini berada dalam keadaan stabil iaitu pada kadar RM2.50 sedolar Amerika di antara bulan Januari-Jun tahun 1997 telah mengalami penyusutan nilai yang cepat sehingga pernah menyusut ke paras yang terendah iaitu kepada RM 4.88 berbanding Dolar Amerika pada 7 Januari 1998. Namun, nilai Ringgit kembali stabil sejak Februari-Jun 1998 iaitu antara US\$ 1= RM 3.84-RM 3.98. Malangnya, antara Jun-Ogos 1998, tekanan ke atas Ringgit semakin kuat berikutan penurunan nilai Yen Jepun, pengucupan ekonomi tempatan dan peningkatan aktiviti spekulatif. Walaupun kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk mempertahankan nilai Ringgit tetapi, nilai Ringgit yang lemah tidak dapat menahan aktiviti spekulatif terutamanya di pasaran luar pesisir.

Naik turun yang sering berlaku dalam kadar tukaran asing telah merumitkan penentuan harga, keputusan jual-beli, dan perancangan pengeluaran barang oleh para pengeluar, pengeksport dan pengimport. Situasi ini telah mendorong kerajaan memperkenalkan Dasar Kawalan Tukaran Terpilih pada 1 September 1998 dan menetapkan nilai Ringgit pada RM 3.80 bagi sedolar Amerika pada 2 September 1998 dalam usaha untuk menstabilkan nilai tukaran Ringgit. Penetapan ini melibatkan penyusutan nilai sebanyak 34% daripada paras sebelum krisis¹⁴.

Kemerosotan nilai Ringgit juga telah memberikan kesan secara langsung ke atas pasaran saham. Indeks Komposit BSKL (KLSE CI) telah mengalami penurunan sebanyak kira-kira 44% pada separuh kedua tahun 1997. Akibat daripada keyakinan pelabur yang terus menurun dan kejatuhan dalam nilai Ringgit, pasaran KLSE CI terus merosot ke tahap yang rendah sebanyak 286 mata pada 1 September 1998.

¹⁴ Bank Negara Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Sistem Kewangan Di Malaysia-Perubahan Sedekad, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 1999, hlmn: 656.

Jadual 11
Kadar Pertukaran Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih*

Akhir Tempoh	RM bagi setiap unit mata wang asing					
	AS\$	STG	SDR	SS	DM	SFr
1988	2.7125	4.8683	3.6502	1.3939	105192	1.7931
1989	2.6990	4.3407	3.5718	1.4247	1.5992	1.7546
1990	2.6980	5.1735	3.8383	1.5475	1.7987	2.1078
1991	2.7235	5.0862	3.9019	1.6704	1.7948	2.0130
1992	2.6065	3.9405	3.5839	1.5850	1.6125	1.7822
1993	2.7010	3.9901	3.6609	1.6808	1.5575	1.8244
1994	2.5578	3.9901	3.7340	1.7513	1.6470	1.9469
1995	2.5405	3.9302	3.7764	1.7958	1.7673	2.2025
1996	2.5279	4.2747	3.6350	1.8068	1.6256	1.8746
1997	3.8883	6.4449	5.2539	2.3200	2.1729	2.6742
1998	3.8000	6.3313	5.3505	2.2879	2.2640	2.7497
1997 Jan	2.4868	4.0030	3.4682	1.7658	1.5191	1.7466
Feb	2.4832	4.0410	3.8391	1.7436	1.4724	1.6864
Mac	2.4790	4.0501	3.4381	1.7158	1.4758	1.7067
Apr	2.5110	4.0992	3.4226	1.7383	1.4591	1.7158
Mei	2.5140	4.1199	3.4990	1.7582	1.4797	1.7786
Jun	2.5235	4.1989	3.5030	1.7647	1.4522	1.7368
Jul	2.6360	4.3178	3.5813	1.7919	1.4342	1.7394
Ogos	2.9620	4.7881	4.0389	1.9379	1.6504	1.9966
Sep	3.1975	5.1481	4.3552	2.0899	1.8070	2.1961
Okt	3.4370	5.7364	4.7555	2.1634	2.0035	2.4629
Nov	3.5010	5.8660	4.7884	2.1996	1.9900	2.4655
Dis	3.8883	6.4449	5.2539	2.3200	2.1729	2.6742
1998 Jan	4.5450	7.5345	6.1243	2.5898	2.5420	3.1334
Feb	3.6750	6.0404	4.9429	2.2707	2.0245	2.5034
Mac	3.6430	6.1079	4.8666	2.2684	1.9724	2.3940
Apr	3.7365	6.2435	5.0713	2.3589	2.0825	2.4943
Mei	3.8785	6.3063	5.1792	2.3128	2.1776	2.6281
Jun	4.1750	6.9639	5.5592	2.4472	2.3099	2.7436
Jul	4.1425	6.7800	5.5074	2.4022	2.3271	2.7780
Ogos	4.2200	6.9852	5.5739	2.3823	2.3458	2.8535
Sep**	3.8000	6.4914	5.2112	2.2546	2.2733	2.7421
Okt	3.8000	6.3823	5.3554	2.3435	2.3013	2.8295
Nov	3.8000	6.2748	5.2446	2.2963	2.2208	2.6916
Dis	3.8000	6.3313	5.3505	2.2879	2.2640	2.7497
1999 Jan	3.8000	6.2581	5.2811	2.2489	2.2181	2.6948
Feb	3.8000	6.0831	5.1892	2.2024	2.1371	2.6253
Mac	3.8000	6.1236	5.1599	2.1938	2.0840	2.5504
Apr	3.8000	6.1234	5.1347	2.2333	2.0649	2.5041
Mei	3.8000	6.0871	5.1104	2.1988	2.0319	2.4954
Jun	3.800	5.9834	5.0763	2.2338	2.0071	2.4517

Sumber: * Kadar AS\$ ialah kadar purata belian dan jualan antara bank-bank pada pukul 12 Tengahari. Kadar bagi mata wang asing selain daripada AS\$ adalah kadar silang yang diperolehi daripada kadar mata wang asing tersebut berbanding AS\$ dan kadar RM/AS\$

** Ringgit telah ditetapkan pada AS\$1 = RM3.80 pada 2 September 1998

3.3.2) Pengurangan Pengumpulan Dana Di Pasaran Modal

Kegawatan ekonomi pada tahun 1997-1998 akibat krisis kewangan telah menyebabkan jumlah dana yang dikumpul dalam pasaran modal berkurangan. Merujuk Jadual 12, pada tahun 1997, Malaysia berjaya memperolehi jumlah dana sebanyak RM 23.0 bilion sedangkan dalam tempoh yang sama pada tahun 1998, jumlah dana yang diperolehi hanya RM 2.5 bilion sahaja. Di sini berlaku penurunan sebanyak 89.1%. Jadual 12 juga menunjukkan ketiga-tiga pasaran mengalami penurunan dalam perolehan modal. Penerbitan sekuriti ekuiti memperolehi dana yang paling banyak dalam pasaran modal. Namun, jumlah terbitan dana ini telah mengalami penurunan dalam tempoh lapan bulan pertama disebabkan oleh faktor-faktor dalaman dan luar negeri. Kekhuatiran tentang keadaan ekonomi, kekuahan kewangan sektor korporat dan sektor kewangan dan penurunan nilai Ringgit telah menjatuhkan pasaran saham dan merumitkan usaha firma-firma menerbitkan modal baru melalui pasaran ekuiti.

Bagi kes sekuriti hutang swasta, dana bersih juga telah mengalami penurunan sebanyak 58.6% iaitu dari RM 12, 570 juta kepada RM 1 468 juta dalam tempoh yang sama. Manakala, terbitan bersih pasaran sekuriti hutang kerajaan pula adalah negatif. Maka, dapat disimpulkan yang kegawatan ekonomi akibat krisis kewangan telah mengurangkan aktiviti permodalan dalam pasaran modal di Malaysia pada lapan bulan pertama tahun 1998. Kegawatan yang berlaku telah merumitkan lagi usaha firma untuk memperolehi modal tambahan dari pasaran modal. Selain itu, masalah pembiayaan sektor korporat semakin bertambah kompleks kerana kos meminjam yang meningkat dan keengganinan

industri perbankan memberi pinjaman dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu ini.

Jadual 12
Dana Yang Diperolehi Daripada Pasaran Modal (RM Juta) 1997-1998

	Jan-Ogos 1997	Jan-Ogos 1998
Sekuriti hutang kerajaan	-3 756 (-16.4)	-546 (-21.8)
Sekuriti ekuiti swasta	14 175 (61.7)	1 582 (63.2)
Sekuriti hutang swasta	12 570 (54.7)	1 468 (58.6)
Jumlah	22 989 (100.0)	2 505 (100.0)

Nota: Angka dalam kurungan merujuk kepada peratusan daripada jumlah dana tahun berkenaan

Sumber: Kementerian Kewangan (1998), Laporan Ekonomi 1998/1999

3.3.3) Kedudukan Sistem Perbankan

Kejatuhan nilai Ringgit dan harga saham yang teruk meninggalkan kesan material yang buruk ke atas perolehan dan prestasi keseluruhan sistem perbankan. Industri perbankan semakin berhati-hati dalam menguruskan portfolio aset mereka. Jangkaan ekonomi yang tidak menentu telah mendorong industri perbankan berwaspada dalam memberi pinjaman baru. Keengganan bank untuk memberi pinjaman baru dan kadar faedah yang tinggi telah menyukar individu dan peniaga mendapatkan pembiayaan bagi industri dan perniagaan masing-masing.

Fenomena ini telah memperlambangkan pertumbuhan pinjaman (termasuk pinjaman-pinjaman yang dijual kepada dana harta) dari kadar yang tinggi iaitu 26.5% pada akhir tahun 1997 kepada 1.3% pada akhir tahun 1998. Sektor perbankan juga menghadapi masalah pinjaman tidak berbayar yang tinggi yang menjelaskan asas modal institusi perbankan sendiri (rujuk Jadual 13).

Berdasarkan Jadual 13, pada tahun 1997, jumlah NPL masih diperingkat rendah iaitu antara 1%-5% bagi bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank saudagar. Namun, jumlah NPL ini semakin meningkat antara 3%-17% dalam tempoh 1998-2000 bagi ketiga-tiga institusi kewangan tersebut.

Sebenarnya, sistem kewangan tidak dipengaruhi secara langsung oleh penurunan nilai Ringgit kerana sistem perbankan tidak bergantung kepada dana asing untuk membiayai aktiviti mereka. Tetapi, pengecutan aktiviti ekonomi dan kejatuhan pasaran saham telah mempengaruhi kualiti aset perbankan disamping mengakis asas modal bank sehingga mempengaruhi aktiviti pinjaman bank. Selanjutnya, faktor ini telah memperlakukan pertumbuhan kredit dan meningkatkan pergeseran dalam aktiviti-aktiviti ekonomi.

Jadual 13
Malaysia: Pinjaman tidak berbayar (NPL), 1988-2000

Akhir Tempoh	Non-performing Loans (RM Million)			Non-performing Loans/Total Loans (%)		
	Commercial Bank	Finance Companies	Merchant Banks	Commercial Bank	Finance Companies	Merchant Banks
1988	16935	5413	1203	29.6	33.7	24.8
1989	16554	5713	989	24.3	28.3	17.9
1990	16562	5858	792	20.1	21.3	12.6
1991	15581	5473	647	15.7	15.8	8.7
1992	15992	6109	583	14.7	15.6	6.9
1993	15171	5832	490	12.6	13.0	5.0
1994	9643	5130	1107	6.9	9.9	9.5
1995	8932	4285	1103	4.9	6.6	7.8
1996	8163	4002	315	3.6	4.7	1.7
1997 Mar	7978	3842	348	3.2	4.2	1.7
Jun	9287	4243	433	3.5	4.3	2.0
Sep	9141	5401	458	3.4	5.1	2.0
Dis	14159	9974	1096	3.3	5.0	3.6
1998 Jan	16746	11088	1563	3.9	8.0	5.3
Feb	19206	13448	1898	4.7	9.9	6.2
Mac	22278	14282	1821	5.8	10.6	5.0
Apr	26131	15862	2266	6.3	12.2	7.1
Mei	28585	17194	2634	6.6	13.4	8.5
Jun	32378	17474	3019	7.3	13.6	9.1
Jul	36864	19238	3800	8.3	15.8	12.0
Ogo	42154	20819	4426	9.4	17.2	14.0
Sep	35324	13292	3137	7.6	9.2	8.8
Okt	37012	14894	3441	7.7	10.9	9.4
Nov	39202	16092	4059	7.9	11.8	11.5
Dis	32086	16092	3888	5.9	11.9	10.9
1999 Jan	35903	16545	4348	7.2	12.3	12.0
Feb	35807	15699	4470	7.5	12.0	13.3
Mac	32145	15772	4141	6.4	12.3	11.2
Apr	32362	15227	4334	6.4	12.2	11.5
Mei	33829	14679	4634	6.5	11.9	12.8
Jun	33970	14422	4775	6.4	11.8	13.8
Jul	34018	14538	4242	6.4	11.4	15.1
Ogos	34402	14308	4115	6.6	11.1	14.2
Sep	34838	13584	3955	6.7	10.2	13.3
Okt	34346	13411	3958	6.7	9.9	12.8
Nov	33649	13675	4021	6.4	10.0	12.8
Dis	30402	13571	3487	5.7	8.6	12.31
2000 Jan	30779	13837	3504	5.7	8.8	12.7
Feb	30903	13893	3458	5.8	8.7	12.3

Sumber: BNM, Monthly Statistical Bulletin, Jadual III.16, III.17, III.18

3.3.4) Kesan Ke Atas Sektor Ekonomi

Kesan susut nilai Ringgit ke atas sektor ekonomi adalah berbeza-beza.

Antaranya ialah¹⁵:

- a) Dalam sektor komoditi, kesan krisis ke atasnya adalah bercampur-aduk. Contohnya, Malaysia tidak dapat menikmati keuntungan daripada peningkatan harga yang mendadak dalam pasaran kelapa sawit pada tahun 1998 akibat kejatuhan dalam kitaran hasil biologi kelapa sawit sepanjang tahun itu. Bagi kes bijih timah, penyusutan nilai Ringgit telah meningkatkan harga ringgit komoditi itu kerana nilainya disebut dalam Dolar Amerika. Getah pula tidak menikmati apa-apa manfaat daripada susut nilai Ringgit kerana harga getah disebut dalam Ringgit.
- b) Menjelang tahun 1998, susut nilai Ringgit telah memberi impak negatif terhadap sektor pertanian akibat kos pengeluaran yang meningkat hasil harga Ringgit yang lebih tinggi bagi input yang diimport. Ini menjelaskan daya saing sektor ini. Bagi sektor perlombongan, kesannya tidak begitu ketara kerana sumber sektor tersebut berasaskan sumber tempatan.
- c) Dalam sektor pembinaan, sektor kecil kejuruteraan awam dan sektor swasta terpaksa menunda dan memperlambangkan projek-projeknya berikutan kos mengimport input yang tinggi. Bagi sektor harta komersial, aktivitinya terjejas berikutan lebihan tawaran dan langkah-langkah yang telah dilaksanakan untuk menyekat pinjaman kepada sektor ini. Walaubagaimana pun, sektor kecil perumahan terutamanya rumah kos

¹⁵ Ibid, hlmn: 649-655

rendah dan sederhana kurang terjejas disebabkan permintaan asas masih kukuh dan lebih 90% daripada input yang digunakan didapati daripada sumber tempatan.

- d) Dalam sektor perkilangan, kesannya juga bercampur di antara industri yang berlainan dalam sektor ini. Industri bukan berdasarkan sumber utama yang berorientasikan eksport dan industri berdasarkan sumber utama yang mempunyai kandungan eksport yang tinggi dan kandungan import yang rendah mempunyai pendapatan wang asing bersih tertangguh yang positif dan secara relatifnya tinggi. Industri ini mendapat manfaat daripada susut nilai Ringgit dari segi pendapatan eksport yang lebih tinggi hasil keuntungan penilaian semula kadar pertukaran wang. Malangnya, industri yang berorientasikan pasaran tempatan dengan kandungan import yang tinggi seperti industri yang melibatkan peralatan pengangkutan terjejas teruk akibat penyusutan nilai Ringgit. Ini kerana kos mengimport yang lebih tinggi berikutan pendapatan eksport bersih tertangguh yang negatif bagi setiap Ringgit keluaran industri itu.
- e) Dalam sektor perkhidmatan pula, prestasinya terjejas disebabkan oleh kos input diimport yang lebih tinggi mengakibatkan margin jualan dan keuntungan yang lebih rendah. Sektor kecil perkhidmatan perantara yang merupakan bahagian yang terbesar dalam sektor perkhidmatan telah terjejas teruk akibat kegawatan ekonomi yang berlaku.

3.3.5) Hutang Luar

Kejatuhan nilai Ringgit telah memburukkan kedudukan hutang luar Malaysia. Hutang luar Malaysia dalam sebutan Ringgit telah meningkat sebanyak 48% kepada RM 171 bilion atau 64% daripada KDNK pada akhir tahun 1997, berbanding dengan paras hutang sebelum krisis iaitu RM 115.3 bilion atau 43% daripada KDNK pada bulan Jun 1997. Walaubagaimana pun, Malaysia kekal dalam kategori negara yang mempunyai paras hutang yang sederhana di mana nisbah hutang kepada KDNK adalah antara 48% dan 80%.

3.3.6) Kedudukan Imbangan Pembayaran yang semakin pulih

Penurunan nilai mata wang akan membantu memperbaiki imbangan dalam akaun semasa. Nilai Ringgit yang lebih murah akan meingkatkan petumbuhan eksport dan menurunkan jumlah import. Fenomena ini akan mengurangkan saiz defisit akaun semasa. Dengan kata lain, penurunan nilai Ringgit memberi lonjakan eksport bagi barang keluaran Malaysia. Buktinya, dalam sebutan Dolar Amerika Syarikat, nilai import merosot sebanyak 26.2% pada tahun 1998 yang sebahagiannya disebabkan oleh kejatuhan dalam jumlah import (-19.9%). Jika dirujuk pada Jadual 14, tahun 1998 menyaksikan buat pertama kalinya baki akaun semasa bertukar arah untuk mencatatkan lebihan yang besar sebanyak RM36.8 bilion (US\$ 9.4 bilion) sedangkan pada tahun 1997, defisit akaun semasa sebanyak RM 15.8 bilion atau US\$ 5.6 bilion. Ini mengambarkan yang lebihan

besar dalam akaun dagangan berjaya mengimbangi defisit akaun perkhidmatan dan aliran keluar pindahan yang besar.

3.3.7) Inflasi

Penyusutan nilai Ringgit telah memberi tekanan kepada tingkat harga. Kadar inflasi negara meningkat dengan mendadak kepada 5.3% pada tahun 1998 berbanding 2.7% pada tahun 1997. Walaubagaimana pun, inflasi negara masih berada pada tahap sederhana memandangkan berlaku pengucupan permintaan dalam negeri.

3.3.8) Pengangguran

Krisis kewangan yang membawa kepada kegawatan ekonomi yang serius telah memberi impak negatif kepada tahap pengangguran negara. Tahap pengangguran negara telah meningkat daripada 2.5% pada tahun 1997 kepada 3.9% pada tahun 1998. Sementara itu, jumlah pekerja-pekerja yang diberhentikan meningkat kepada tahap tertinggi iaitu seramai 12,335 pekerja pada bulan Julai 1998 sebelum kembali menurun pada suku keempat pada tahun 1998. Selain itu, krisis ini juga telah menyebabkan penurunan dalam jumlah pekerja-pekerja asing daripada 1.2 juta pekerja pada tahun 1997 kepada 781, 548 pekerja sahaja pada tahun 1998¹⁶.

¹⁶ Ibid, hlmn: 659

Jadual 14
Imbangan Asas

Perkara	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998
Dagangan f.o.b	1449	8609	8231	4460	97	10088	10273	69008
Eksport f.o.b	92220	100910	118383	148506	179491	193363	217712	281947
Import f.o.b	90771	92301	110152	144046	179394	183275	207439	212939
Imbangan Perkhidmatan f.o.b	-13195	-14568	-16670	-17005	-19229	-18371	-22748	-22338
Tambang & insuran	-4847	-4265	-4890	-7367	-9024	-8203	-9162	-8435
Pengangkutan lain	-10	-355	-196	441	737	1725	1747	2268
Perjalanan & pelajaran	547	657	906	3603	4143	4801	3252	3070
Pendapatan pelaburan*	-6375	-7920	-8174	-9448	-10338	-11629	-14639	-14817
Urus niaga kerajaan t.d.d	-55	54	-72	-36	-23	-27	-150	-215
Perkhidmatan lain **	-2095	-2739	-4244	-4198	-4720	-5038	-3796	-4209
Imbangan dagangan dan Perkhidmatan	-11746	-5959	-8439	12545	-19132	-8283	-12475	46670
Pindahan	102	337	513	-2225	-2515	-2943	-3345	-9876
Imbangan Akaun Semasa	-11644	-5622	-7926	-14770	-21647	-11226	-15820	36794
Modal jangka panjang rasmi	-665	-2876	979	861	6147	748	4645	2137
Kerajaan persekutuan	106	-3170	-3134	-4764	-1663	-2179	-1683	1819
Pinjaman pasaran	327	-2859	-1824	-4328	-1091	-675	-697	1111
Pinjaman projek	-55	-184	-1198	-436	-542	-1504	-986	708
Kredit pembekal	-166	-127	-112	-	-	-	-	-
Perusahaan awam bukan kewangan	-740	389	4277	5761	7768	2844	6366	361
Harta & tanggungan lain	-31	-95	-164	-136	12	83	-38	-43
Modal jangka panjang swasta	10996	13204	12885	10798	10464	12777	14450	8490
Imbangan modal jangka panjang	10331	10328	13864	11659	16611	13525	19095	10267
Imbangan Asas	-1313	4706	5938	-3111	-5036	2299	3275	47421

Nota: * Termasuk pendapatan syarikat pelaburan asing yang tidak diagih. Kaunterpart pendapatan ini ditunjukkan sebagai pengaliran masuk modal pelaburan langsung di bawah modal jangka panjang swasta.

** Merujuk kepada royalti, yuran agensi, caj profesional dan lain-lain

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

3.4) ANCAMAN KAPITALISME

Krisis kewangan yang melanda negara-negara Asia pada tahun 1997/1998 telah membuka mata dan minda masyarakat ekonomi tentang ancaman kapitalisme ke atas kesejagatan ekonomi jika tiada pengurusan yang efektif dan sempurna. Jika diteliti kepada punca berlakunya krisis, ia boleh dikaitkan dengan kelemahan yang ada pada sistem ekonomi Kapitalisme.

Secara praktiknya, sistem kapitalis tidak secekap yang diterangkan dalam teorinya. Sistem kapitalis mewujudkan perbezaan keuntungan individu dan perusahaan dan keuntungan sosial. Inilah yang dilakukan oleh spekulator dan pelabur asing ke atas negara-negara Asia termasuk Malaysia dalam krisis kewangan baru-baru ini. Setelah mengaut keuntungan berlipat ganda daripada manipulasi mata wang, spekulator telah menyalahkan kerajaan Asia tidak cekap dalam pengurusan ekonominya. Malah, pelabur asing secara pantas mengeluarkan modal mereka dari negara-negara Asia sehingga meruntuhkan aktiviti ekonominya dan menimbulkan pelbagai masalah sosial seperti pengangguran, inflasi, kemiskinan dan kebuluran di negara-negara terbabit.

Di sini jelas menunjukkan yang dalam jangka panjang sistem ekonomi Kapitalis mewujudkan kuasa monopoli di kalangan firma-firma besar seperti Multinasional Corporation (MNC) dan negara maju ke atas faktor-faktor pengeluaran dan pasaran. Seperti yang kita ketahui, negara-negara membangun termasuk Malaysia menghadapi masalah dalam penciptaan modal serta teknologi dan kepakaran di mana ia dimiliki oleh syarikat MNC yang besar. Syarikat MNC

mengeksplotasikan kelebihan yang ada pada mereka sehingga kerajaan terpaksa tunduk dan menurut kehendak negara-negara maju yang membawa kepada ketidakadilan dalam kebajikan masyarakat. Malah, sistem ekonomi Kapitalis lebih bersifat mengongkong sistem kewangan dan pertukaran nilai mata wang sesebuah negara. Nilai yang tinggi diletakkan pada Dolar telah menggalakkan aktiviti manipulasi ke atas mata wang yang disandarkan pada Dolar. Spekulator telah mengambil kesempatan ke atas situasi ini sehingga mata wang Thailand, Korea, Indonesia dan Malaysia jatuh teruk akibat spekulasi ke atas mata wang tersebut.

Maka, boleh dikatakan Kapitalisme menyebabkan negara yang kaya bertambah kaya dan negara miskin akan bertambah miskin. Dengan itu, sistem ini tidak menjamin kewujudan ekonomi yang mantap akibat kitaran ekonomi yang sentiasa mengalami kemelesetan dan kemakmuran yang besar. Ancaman kapitalis ini akhirnya telah memberi peluang untuk sistem ekonomi Islam berkembang semula disebabkan ahli-ahli ekonomi kini mula menyedari kelebihan yang ada pada sistem tu. Falsafah yang dipegang oleh sistem ekonomi Islam ini menutup segala kelemahan yang ada pada sistem ekonomi konvensional. Antara falsafah yang dipegang ialah¹⁷:

- Keseimbangan dalam kepentingan individu dan masyarakat
- Terdapat hak milik individu dan hak milik umum
- Membenarkan persaingan bebas antara individu dalam ekonomi
- Kebebasan dalam membuat keputusan-keputusan kegiatan ekonomi
- Segala aktiviti individu tertakhluk kepada akidah dan syariat

¹⁷ S.H. LIM, Mikroekonomi-STPM, Pustaka Saujana Sdn.Bhd, 1994, himn: 18

Oleh sebab itu, tidak mustahil satu hari nanti, sistem ekonomi Islam akan berkembang luas dan nilainya diamalkan oleh negara-negara bukan Islam untuk mengelakkan krisis ekonomi yang besar terus berlaku. Ini kerana sistem kapitalis telah melahirkan makroekonomi yang membawa ketidakseimbangan kepada defisit imbangan, inflasi, tanggungan hutang, pengangguran, kemiskinan, kelaparan dan memecah-belahkan masyarakat.

3.5) KESIMPULAN

Krisis kewangan Asia telah memberi satu kejutan yang besar kepada negara-negara Asia termasuk Malaysia yang mula menyedari betapa pentingnya pengurusan sektor kewangan yang cekap dalam era globalisasi dan liberalisasi bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Malah, krisis yang berlaku ini juga telah membuka mata dan minda negara-negara membangun akan keupayaan pedagang mata wang asing dalam mempengaruhi kedudukan tukaran mata wang sesebuah negara dan ekonominya.

Berdasarkan impak krisis ini ke atas negara yang terbabit, ia jelas menunjukkan yang pedagang mata wang hanya mementingkan keuntungan daripada pelaburannya tanpa mempedulikan tahap sosio-ekonomi negara pelaburannya. Selain itu, lanjutan daripada krisis ini telah mendesak Malaysia menekankan keperluan pendekatan yang lebih terurus untuk meliberalisasikan pergerakan modalnya. Tahap kadar perkembangan liberalisasi harus sejajar dengan perkembangan ekonomi domestik dan rangka undang-undang kewangan bagi memastikan tidak ada kelemahan yang boleh dieksplotasikan oleh golongan-golongan tertentu seperti spekulator dan negara-negara maju yang lain.